

**Kenanga Deutsche Terima Anugerah Broker Niaga Hadapan Terbaik  
Bernama  
5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kenanga Deutsche Future Sdn Bhd merangkul Anugerah Broker Niaga Hadapan Terbaik Keseluruhan dan Broker Niaga Hadapan Ekuiti Terbaik buat kali ke-11 berturut-turut sejak 2003 hingga 2013.

Kenanga Deutsche menyumbang kira-kira 16 peratus pelaksanaan pasaran saham atau 10.72 juta kontrak yang diniagakan di Bursa Malaysia Derivatif tahun lepas, firma pembrokeran niaga hadapan itu berkata dalam kenyataan pada Rabu.

Jumlah keseluruhan pelaksanaan syarikat sebanyak 3.46 juta kontrak atau peningkatan sebanyak 31.27 peratus tahun ke tahun.

Prestasi kukuhnya di Bursa Malaysia Derivatif turut menempatkan Kenanga Deutsche di tempat kedua dalam Kontrak Dagangan Hadapan Minyak Sawit Mentah.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Derivatif Tersenarai Azila A. Aziz berkata pencapaian itu merupakan gambaran mengenai kebolehan firma itu untuk bersaing dalam pasaran yang kerap berubah, hubungan baik jangka panjang dengan pelanggan, rekod prestasi yang baik dan menerusi usaha sama strategik dengan Deutsche Asia Pacific Holdings.

Kenanga Deutsche menganggarkan 13.5 juta kontrak akan diniagakan dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 12 peratus pada 2015 di Bursa Malaysia Derivatif.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019454>